



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-88832539
Faks : 03-88833817

Ruj. Kami: KKM.100-1/6/3 Jld.2 (18)
Tarikh: 13 Oktober 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN SEMASA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato' Indera/
Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** di negeri Sabah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan PKPB di negeri Sabah adalah berkuat kuasa pada **13 Oktober 2020** sehingga **26 Oktober 2020**, manakala PKPB di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pula akan berkuat kuasa pada **14 Oktober 2020** sehingga **27 Oktober 2020**. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis

Keselamatan Negara dan pemakluman mengenainya oleh YB. Menteri Kanan Pertahanan dalam sidang media pada 12 Oktober 2020.

3. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan kenyataan media yang menyatakan bahawa **semua perkhidmatan Kerajaan tetap beroperasi seperti biasa** dalam tempoh PKPB ini. Pegawai awam perlu **mengadaptasi sistem penggiliran dan Bekerja dari Rumah (BDR)** mengikut keperluan seperti mana dijelaskan dalam Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam; rujukan: JPA. SARAAN (S) 256/6/31 JLD. 6(6) bertarikh 2 Mei 2020. Rujukan juga boleh dibuat kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Bilangan 3 Tahun 2020 – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi Pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan **sentiasa berada pada tahap yang baik dan berkesan** serta mengambil kira faktor kebajikan pegawai, Ketua Jabatan boleh **menimbang untuk memberi kelonggaran** kepada sebahagian daripada pegawai untuk bekerja secara penggiliran atau BDR. Kelonggaran ini hendaklah dibuat berasaskan bahawa pegawai tidak perlu berada di pejabat pada setiap masa atau sepanjang tempoh yang ditetapkan.

5. Ketua Jabatan hendaklah menggunakan **kebijaksanaan dan pertimbangan sewajarnya** dalam menentukan pegawai yang perlu bekerja sepenuh masa, secara penggiliran atau BDR. Semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh

Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19 hendaklah sentiasa dipatuhi. Ketua Jabatan juga perlu mengoptimumkan penggunaan aplikasi atas talian bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terus berjalan lancar.

6. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Dasar dan Penyelarasan
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Telefon: 03-8883 2838 / 03-8883 2757 / 03-8883 2383

7. Pelaksanaan ini hendaklah diguna pakai bagi mana-mana kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

s.k.:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan
Teknikal)

Pengarah Kanan (Pergigian)

Pengarah Kanan (Farmasi)

SUB(KP)

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Jalan Kuala Kedah
05400 Simpang Kuala, Alor Star
KEDAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 dan 37, KOMTAR
10590 **PULAU PINANG**

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
40100 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3,4 dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15590 Kota Bharu
KELANTAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
93090 Petra Jaya, Kuching
SARAWAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jalan Cenderasari
50590 **KUALA LUMPUR**

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**